

**Olimpik 2016: Selamat berjuang semua atlet negara - PM
Astro Awani
Ogos 5, 2016**

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Tun Razak pada Jumaat mengucapkan selamat berjuang kepada semua atlet Malaysia yang akan beraksi di Sukan Olimpik 2016 di Rio de Janeiro, Brazil.

Perdana Menteri berkata seluruh rakyat Malaysia akan memberikan sokongan padu kepada semua atlet negara pada temasya yang berlangsung bermula pada Jumaat hingga 21 Ogos ini.

"Selamat berjuang buat semua atlet, dan ingatlah bahawa seluruh rakyat Malaysia menyokong dan bersorak untuk anda.

Lakukanlah yang terbaik dan banggakan negara!" kata Datuk Seri Najib menerusi catatan di laman rasmi Facebook beliau.

Sejumlah 32 atlet negara layak beraksi di Sukan Olimpik 2016 di Rio.

Malaysia menyandarkan harapan kepada beberapa atlet berpengalaman seperti Datuk Lee Chong Wei, Azizulhasni Awang, Pandelega Rinong untuk memburu pingat emas pertama negara dalam temasya berprestij itu.

Tag: [Rio 2016](#), [Najib Tun Razak](#), [Olimpik 2016](#), [atlet negara](#)

© 2016 Astro Awani Network Sdn. Bhd. (535275-D) All Rights Reserved.

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/olimpik-2016-selamat-berjuang-semua-atlet-negara-pm-113145>